

**Soalan No: 54**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
[ PENDANG ]**

**TARIKH : 7.3.2017**

**SOALAN :**

**Dato' Wira Othman Bin Abdul [ Pendang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setakat mana peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pendidikan bagi memperkasakan tulisan jawi di era globalisasi dan adakah masa khas diperuntukkan kepada pelajar-pelajar yang berminat untuk belajar tulisan jawi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memperkasakan penggunaan tulisan jawi di sekolah. Kemahiran membaca dan menulis tulisan jawi diajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah. Pengoperasian kurikulum jawi di sekolah rendah berjalan seperti mana yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bermula Tahun 1 hingga Tahun 6. Kemahiran tersebut diperkuuhkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah.

Program j-QAF (jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu 'ain) yang bermula tahun 2005 turut memperkasakan tulisan jawi. Bagi murid-murid yang lemah dalam membaca dan menulis jawi, mereka akan

dibimbing melalui modul Kem Cemerlang Jawi (KCJ). Modul KCJ disediakan berdasarkan aras kemahiran murid yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tulisan jawi digunakan sepenuh dalam buku teks Pendidikan Islam. Tulisan jawi juga turut diuji dalam Penilaian Tahun 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melalui mata pelajaran Pendidikan Islam.

RJM07

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @  
NYALLAU ANAK BADAK [  
LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 7.3.2017 (SELASA)**

**SOALAN : 55**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membekalkan air paip terawat ke kawasan :-

- (a) dari Batu Kaya ke Wong Panjai, Wong Pandak dan Ensawang, Lubok Antu; dan
  
- (b) dari Changkul ke Rasau, Ng. Kumpang, Danau dan, Kandis Engkilili.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini mengambil maklum tentang keperluan pelaksanaan projek bekalan air terawat ke luar bandar kawasan Parlimen Lubok Antu seperti dari Changkul ke Rasau, Ng. Kumpang, Danau dan Kandis, Engkelili serta dari Batu Kaya ke Wong Panjai, Wong Pandak dan Ensayang, Lubok Antu.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian mempunyai perancangan untuk melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Lubok Antu, Sarawak (Fasa II) bernilai lebih kurang RM80.0 juta pada tahun 2017. Pihak perunding telah pun dilantik oleh Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak bagi membuat kajian awal dan proses rekabentuk. Projek ini dijangka dapat ditender pada November 2017 tertakluk kepada kelulusan proses pengambilan balik tanah dan dijangka siap awal tahun 2019.